

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
KAEDAH- KAEDAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 2009

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
TATATERTIB AM

3. Larangan am
4. Menghadiri kuliah
5. Sekatan keatas penggunaan teks kuliah
6. Larangan terhadap plagiarisme
7. Kehadiran bagi peperiksaan
8. Kelakuan semasa peperiksaan
9. Menganjurkan perhimpunan
10. Pembesar suara
11. Sepanduk
12. Penerbitan, dsb., dokumen
13. Kegiatan pelajar di luar Kampus
14. Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.
15. Representasi yang berhubung dengan Universiti
16. Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus

Kaedah

17. Judi di dalam Kampus
18. Minum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh
19. Bahan lucah
20. Merokok, dsb.
21. Dadah dan racun
22. Kebersihan di dalam Kampus
23. Membuat bising
24. Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental
25. Tempat tinggal atau tidur di dalam Kampus
26. Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang
27. Pakaian pelajar
28. Keingkar
29. Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib

BAHAGIAN III
TATATERTIB ASRAMA

30. Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap
31. Menghalang, dsb., orang yang diberi kuasa, dll., daripada masuk dan menjalankan fungsi
32. Berada di luar asrama pada waktu malam
33. Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam
34. Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu
35. Bertukar bilik tanpa kebenaran terlebih dahulu
36. Berpindah tempat tinggal
37. Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib

BAHAGIAN IV
TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

Kaedah

38. Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus
39. Daftar kenderaan motor pelajar
40. Had laju
41. Kenderaan atau kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya
42. Meletak kenderaan atau kenderaan motor secara menghalang
43. Menggunakan ruang letak kenderaan atau kenderaan motor yang diuntukkan
44. Membonceng
45. Arahan dan isyarat lalu lintas
46. Pengemukaan lesen memandu dan kad pelajar
47. Halangan kepada aliran lalu lintas
48. Perbuatan di dalam Kampus yang merupakan kesalahan dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib
49. Hukuman tatatertib terus

BAHAGIAN IV
TATACARA TATATERTIB

50. Hukuman tatatertib
51. Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib
52. Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib
53. Penjelasan fakta dan pengambilan akuan
54. Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya
55. Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah
56. Keterangan pelajar
57. Memanggil semula saksi
58. Pengumuman keputusan

Kaedah

- 59. Pengenaan hukuman
- 60. Jagaan dan pelupusan barang kes
- 61. Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib
- 62. Jagaan nota
- 63. Daftar prosiding tatatertib
- 64. Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dll.
- 65. Pembayaran denda
- 66. Tidak membayar denda
- 67. Perintah pampasan
- 68. Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib

BAHAGIAN VI**RAYUAN**

- 69. Notis rayuan
- 70. Penghantaran rayuan kepada Menteri
- 71. Tindakan Menteri ke atas rayuan
- 72. Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

BAHAGIAN VII**AM**

- 73. Kesalahan tatatertib
- 74. Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

KAEDAH- KAEDAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16c Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah- Kaedah **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“asrama” ertinya apa-apa tempat tinggal, dengan apa-apa jua nama yang dipanggil, yang disediakan oleh Universiti bagi kediaman pelajar;

“bilik tatatertib” ertinya sesuatu bilik yang disediakan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu;

“dadah” ertinya apa-apa dadah atau bahan yang pada masa ini terkandung dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*];

“judi” ertinya bermain apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi mendapatkan wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertagaan, pertaruhan atau loteri;

“Kampus” ertinya Kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka termasuklah semua asrama, institusi dan bangunan Universiti;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa mana-mana orang, barang atau bagasi dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian kenderaan yang ditarik sedemikian menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“kesalahan tata tertib” ertinya suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“meletak kereta” ertinya meletakkan kenderaan atau kenderaan motor dalam keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan orang, barang-barang atau bagasi;

“minuman keras” ertinya apa-apa minuman yang mempunyai apa-apa pengaruh alkohol;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti, dan termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihaknya;

“orang yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Universiti;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran atau pelajar tidak berijazah;

“pelajar menetap” ertinya seseorang pelajar yang menetap di dalam asrama;

“Pengetua” ertinya pegawai utama yang menjaga sesuatu asrama;

“peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“pihak berkuasa tata tertib” ertinya Naib Canselor atau, mengikut mana-mana yang sesuai, mana-mana Timbalan Naib Canselor, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana pegawai atau, mana-mana pekerja Universiti, atau mana-mana lembaga anggota kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang diwakilkan oleh Naib Canselor dengan fungsi, kuasa atau kewajipan tata tertib di bawah subseksyen 16B(3) Akta;

“prosiding tata tertib” ertinya prosiding tata tertib di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“racun” ertinya apa-apa bahan yang dinyatakan melalui nama dalam ruang pertama Senarai Racun kepada Akta Racun 1952 [Akta 366] dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau bahan semula jadi yang mengandungi bahan itu;

“Universiti” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

BAHAGIAN II

TATATERTIB AM

Larangan Am

3. Seseorang pelajar tidak boleh-
 - a) Berkelakuan, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dengan apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan-
 - i. Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar atau pekerja Universiti; atau
 - ii. Ketenteraman awam, kesejahteraan atau keselamatan, moral, kesopanan atau tata tertib;
 - b) melanggar apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus;
 - c) mengganggu atau dengan apa-apa cara campur tangan dalam, atau menyebabkan terganggunya atau dengan apa-apa cara campur tangan dalam, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran, atau apa-apa kegiatan yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti;
 - d) menghalang, menggalang atau mengganggu, atau menyebabkan supaya dihalang, digalang atau diganggu, mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau fungsinya;
 - e) menghalang atau menggalang atau menyebabkan supaya dihalang atau digalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri mana-mana kuliah, tutorial atau kelas, atau mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang sah;
 - f) menganjur, menghasut atau menyertai pemulauan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan, atau dengan kebenaran Universiti;
 - g) merosakkan, mengubah, mengganggu mengalih atau dengan apa-apa cara memperlakukan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam Universiti;
 - h) melakukan apa-apa perubahan atau menyebabkan apa-apa perubahan dilakukan di dalam Kampus, bagi menyebabkan atau menyebabkan kemungkinannya berlaku apa-apa galangan, kesulitan, kegusaran, kehilangan atau kerugian kepada mana-mana orang di dalam Universiti;

- i) melanggar apa-apa arahan atau kehendak Pustakawan Universiti, atau pekerja lain perpustakaan berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku perpustakaan dan kemudahan lain di dalam perpustakaan;
- j) melanggar apa-apa arahan atau kehendak orang yang diberi kuasa berkenaan dengan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan, dan kemudahan lain di dalam makmal.

Menghadiri kuliah

4. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri apa-apa kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya, dia tidak boleh menghadiri kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua, untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua, atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua, untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah

5. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; terutamanya, dia tidak boleh menghasilkan semula, dengan apa-apa cara, ke semua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak.

(2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan menghadkan budi bicara Naib Canselor untuk mengeluarkan garis panduan yang membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib Canselor, atau Dekan Fakulti, Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, yang dibenarkan oleh Naib Canselor, dan Naib Canselor boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan penghasilan semula teks mana-mana kuliah atau pengajaran.

Larangan terhadap plagiarisme

6. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan keupayaan orang lain.

(2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarism termasuklah-

- a) Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
- b) Suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia-

- a) Menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;
- b) Menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis bagi ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
- c) Memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbit sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
- d) Memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;
- e) Menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah pekerja atau pelajar Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik peribadinya yang lain dan berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikannya sendiri atau sebelum menerbitkan data itu;
- f) Menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaannya itu;

- g) Menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian menyampaikan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisan atau karyanya sendiri; atau
- h) Memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa membuat rujukan yang sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.

Kehadiran semasa peperiksaan

- 7. (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan hadir bagi sesuatu peperiksaan dan tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir bagi peperiksaan itu tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Akademik atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan bagi ketidakhadirannya itu.

Kelakuan semasa peperiksaan

- 8. Tiada seorang pun pelajar boleh-
 - a) Membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, ke dalam atau keluar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa di dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain yang disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Penaksiran Peperiksaan, dan dibenarkan oleh Naib Canselor;
 - b) Menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
 - c) Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
 - d) Menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

Menganjurkan perhimpunan

9. (1) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu, mengadakan, menganjurkan atau memanggil, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dipanggil atau dengan apa-apa cara, terlibat dalam mengadakan, menganjurkan atau memanggil atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dipanggil atau, dengan apa-apa cara terlibat dalam melakukan, dianjurkan atau dipanggil atau, dengan apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang terdiri lebih daripada lima orang dalam mana-mana bahagian Kampus atau atas mana-mana tanah atau di dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Universiti atau yang digunakan bagi maksud Universiti.
- (2) Dalam memberikan kebenaran yang disebut dalam subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.
- (3) Tiada seorang pun pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang melanggar dengan subkaedah (1) atau (2).

Pembesar suara

10. (1) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki, atau menggunakan, atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya, bagi maksud ucapan awam, apa-apa pembesar suara, peluang suara, penguat suara atau alat seumpamanya yang lain tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu.
- (2) Dalam memberikan kelulusan bawah subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

Sepanduk

11. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh-
- a) Membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat;
 - b) Mengibar, mempamer, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan; atau
 - c) Memiliki atau mempunyai dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya,

apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambang atau alat lain yang menimbulkan keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran Kaedah-Kaedah ini.

Penerbitan, dsb., dokumen

12. (1) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam Kampus atau di luar Kampus.
- (2) Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau sesuai.
- (3) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Kegiatan pelajar di luar Kampus

13. (1) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.
- (2) Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Universiti.

Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.

14. Tiada seorang pun pelajar boleh, di dalam Kampus atau di luar Kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, penggajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan, yang pada pendapat Naib Canselor tidak wajar.

Representasi yang berhubungan dengan Universiti

15. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai semasa memberikan apa-apa kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau semasa membuat apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar, berhubungan dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Universiti atau berkaitan dengan pekerja atau pelajar Universiti, atas sifat mereka sebagai pekerja atau pelajar Universiti atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus

16. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan diri, Kampus mana-mana orang, badan atau kumpulan orang.

Judi di dalam Kampus

17. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menguruskan, menjalankan atau membantu dalam menganjurkan, menguruskan atau menjalankan, atau menyertai apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus.

Meminum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh

18. (1) Tiada seorang pun pelajar boleh, di dalam Kampus, meminum atau mempunyai dalam miliknya atau di bawah jagaannya atau dalam kawalannya, apa-apa minuman keras atau apa-apa- bekas simpanan yang mengandungi logo, cap atau perkataan yang boleh dikaitkan dengan minuman keras tersebut.
- (2) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras, di dalam Kampus, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Bahan lucah

19. (1) Tiada seorang pun pelajar boleh, di dalam Kampus, mempunyai dalam miliknya atau di bawah jagaannya atau dalam kawalannya apa-apa bahan lucah.
- (2) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dengan apa-apa cara terlibat dalam membahagikan, mengedarkan atau mempamerkan apa-apa bahan lucah di dalam Kampus tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi bayaran atau bagi apa-apa balasan lain.
- (3) Tiada seorang pun pelajar boleh dengan sukarela melihat atau mendengar apa-apa bahan lucah atau melayari laman web yang mengandungi bahan lucah di dalam Kampus.

Merokok, dsb.

20. Tiada seorang pun pelajar boleh merokok, menyimpan, mengedar, membekal atau cuba menyimpan, mengedar atau menawarkan apa-apa tembakau kepada mana-mana pelajar atau pelajar atau orang di dalam Kampus.

Dadah dan racun

21. (1) Tiada seorang pun pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau dalam kawalan apa-apa dadah atau racun.
- (2) Tiada seorang pun pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada kepada mana-mana orang.
- (3) Tiada seorang pun pelajar boleh makan melalui mulut, atau, menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dengan apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubahan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50]
- (5) Mana-mana pelajar yang didapati di bawah pengaruh mana-mana dadah atau racun, melakukan suatu kesalahan tatatertib.
- (6) Naib Canselor boleh menghendaki mana-mana pelajar supaya menjalani ujian air kencing atau apa-apa ujian perubatan lain yang difikirkan perlu.
- (7) Jika seseorang pelajar enggan menjalani ujian yang disebut dalam subkaedah (6), dia melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Kebersihan di dalam Kampus

22. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam Kampus, atau mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian lain Kampus, atau mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kampus.

Membuat bising

23. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dengan apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam Kampus.

Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental

24. Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental supaya menjalani pemeriksaan perubatan oleh pegawai perubatan yang berkelayakan.

Tempat tinggal atau tempat tidur di dalam Kampus

25. Tiada seorang pun pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tidur, kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya di dalam asrama oleh Universiti.

Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang

26. Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bangunan di dalam Kampus, yang kemasukan ke dalamnya dilarang kepada pelajar-pelajar amnya atau, khususnya, kepada seseorang pelajar atau sesuatu golongan pelajar.

Pakaian pelajar

- 27 (1) Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis, sebagaimana yang difikirkannya perlu berhubung dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.
- (2) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi mana-mana arahan itu, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Keingkaran

28. Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan yang sah, petunjuk atau kehendak yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberikan atau membuat arahan, petunjuk atau kehendak itu di dalam Kampus, pelajar itu melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib

29. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(i), kaedah 20, 22, 23, 25, 27 dan 28 di hadapan, atau yang dilihat oleh pihak berkuasa tatatertib itu;

Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat representasi lisan dalam tempoh tidak melebihi lima hari berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Setelah hukuman yang disebut dalam subkaedah (1) dikenakan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta, menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan ialah suatu denda, peruntukan kaedah 65 dan 66 hendaklah terpakai.

BAHAGIAN III

TATATERTIB ASRAMA

Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap

30. (1) Tiada seorang pun pelajar boleh memasuki sesuatu bilik di dalam asrama yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri,
(2) Subkaedah (1) tidak terpakai-
- a) Bagi seseorang orang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan fungsi, kewajiban atau tanggungjawabnya;
 - b) Bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberikan oleh, atau bagi pihak, Pengetua; dan
 - c) Bagi seseorang pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.
- (3) Maka hendaklah menjadi tanggungjawab seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini betul-betul dipatuhi.

Menghalang, dsb., orang yang diberi kuasa dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas

31. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghalang atau melarang orang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan fungsi kewajiban atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

Berada di luar asrama pada waktu malam

32. Seseorang pelajar menetap tidak boleh, berada di luar premis asrama selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh atau bagi pihak Pengetua.

Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam

33. Selepas tengah malam, kecuali bagi pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh atau bagi pihak Pengetua.

Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu

34. (1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan apa-apa jua yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian, kawasan atau bangunan atau pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.
- (2) Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, gangguan, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

Bertukar bilik tanpa kebenaran terlebih dahulu

35. Jika seseorang pelajar diuntukkan suatu bilik di asrama bagi tempat tinggalnya oleh Universiti, dia tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis oleh atau bagi pihak Pengetua.

Berpindah tempat tinggal

36. (1) Seseorang pelajar menetap tinggal di asrama mengikut budi bicara dan kehendak mutlak Universiti.
- (2) Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa alasan.
- (3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama atau dipindahkan di bawah subkaedah (2), dia hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti mengeluarkan semua barang kepunyaannya daripada bilik yang dia dikehendaki mengosongkan itu.

Kuasa Pengetua untuk memberikan perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib

37. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberikan sama ada secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam asrama.
- (2) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya, berhubung dengan semua pelajar atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang baginya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah, arahan atau petunjuk itu.

(3) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan denda tidak melebihi satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah, arahan atau petunjuk:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

(4) Setelah hukuman yang disebut dalam subkaedah (3) dikenakan, Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan ialah suatu denda, peruntukan kaedah 65 dan 66 hendaklah terpakai.

BAHAGIAN IV

TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus

38. (1) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam Kampus hendaklah, mula-mula sekali, memohon dan memperoleh daripada Naib Canselor suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, tertakluk kepada subkaedah (2).

(2) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu.

(3) Kebenaran Naib Canselor hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa di tempat yang mudah dilihat di atas kenderaan motor itu.

(4) Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subkaedah (1) dan (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan itu.

(5) Naib Canselor boleh enggan memberikan kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia berpuas hati bahawa pelajar itu memegang kebenaran itu bertentangan dengan kepentingan Universiti.

Daftar kenderaan motor pelajar

39. Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang disimpan, dimiliki atau dipunyai oleh pelajar di dalam Kampus dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.

Had laju

40. Tiada seorang pun pelajar boleh memandu kenderaan motor di dalam Kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalu lintas.

Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya

41. Tiada seorang pun pelajar boleh memandu sesuatu kenderaan atau kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu oleh pelajar di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain, sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas bagi laluan kenderaan motor.

Meletak kenderaan atau kenderaan motor secara menghalang

42. Tiada seorang pun pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang boleh menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

Menggunakan ruang letak kenderaan atau kenderaan motor yang diuntukkan

43. Jika suatu ruang letak kenderaan atau kenderaan motor diuntukkan bagi kenderaan atau kenderaan motor tertentu, tiada seorang pun pelajar boleh meletakkan kenderaan atau kenderaan motor lain dalam ruang letak kenderaan atau kenderaan motor itu.

Membonceng

44. (1) Seseorang pelajar yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.
- (2) Tiada seorang pun pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk membonceng motosikal itu di belakang tempat duduk penunggang di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

(3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang ditunggang oleh mana-mana orang, sama ada seorang pelajar atau bukan, yang melanggar dengan subkaedah (1) atau (2).

Arahan dan isyarat lalu lintas

45. Seseorang pelajar hendaklah mematuhi -

- (a) semua arahan lalu lintas yang berupa apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus; dan
- (b) semua isyarat lalu lintas yang berupa isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arah tanda isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan di atas atau berhampiran dengan jalan sebagai makluman, panduan atau petunjuk bagi orang yang menggunakan jalan itu.

Pengemukaan lesen memandu dan kad pelajar

46. Mana-mana pelajar yang memandu atau yang bertanggungjawab ke atas atau mengawal suatu kenderaan motor hendaklah membawa bersama-samanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] dan kad pelajaranya dan hendaklah mengemukakan lesen memandu atau kad pelajar itu untuk diperiksa oleh seseorang orang yang diberi kuasa apabila dikehendaki berbuat demikian.

Halangan kepada aliran lalu lintas

47. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam Kampus.

Perbuatan di dalam Kampus yang merupakan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib

48. (1) Seseorang pelajar melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini jika dia melakukan apa-apa perbuatan di dalam Kampus yang merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu.

(2) Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi apa-apa pertuduhan kesalahan tatatertib di bawah subkaedah (1) jika seseorang pelajar mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa dia telah atau sedang dalam proses menghadapi tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiary yang dibuat di bawah Akta itu bagi kesalahan itu.

Hukuman tatatertib terus

49. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini di hadapan atau yang dilihat oleh pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Setelah hukuman yang disebut dalam subkaedah (1) dikenakan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor dan jika hukuman yang dikenakan adalah suatu denda, peruntukan kaedah 65 dan 66 hendaklah terpakai.

BAHAGIAN V**TATACARA TATATERTIB****Hukuman tatatertib**

50. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:
- (a) amaran;
 - (b) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
 - (c) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
 - (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; atau
 - (e) dipecat daripada Universiti.

Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib

51. Jika didapati oleh pihak berkuasa tatatertib bahawa seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar itu tentang kesalahan tatatertib yang dikatakan itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib

52. (1) Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut kaedah 51, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar itu menawarkan diri untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan ada, pada hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu menawarkan diri untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib,

(2) Sekiranya pelajar tidak hadir tanpa alasan yang munasabah di hadapan pihak berkuasa tatatertib dalam tempoh enam bulan dari tarikh pelajar itu dikehendaki hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib, maka pelajar itu akan terhenti daripada menjadi seorang pelajar Universiti.

Penjelasan fakta dan pengambilan akuan

53. Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pelajar itu dan meminta pelajar itu membuat pengakuan atas kesalahan itu.

Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya

54. (1) Jika pelajar itu mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya fakta kes.

(2) Jika pelajar itu mengakui fakta kes dan pihak berkuasa tatatertib berpuas hati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta itu, pihak berkuasa tatatertib itu dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

Tatacara apabila pelajar tidak mengaku salah

55. (1) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengakui fakta kes, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar itu, pelajar itu hendaklah diminta menyoal saksi itu dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel itu, dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi itu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), saksi hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan dalam pembicaraan oleh Naib Canselor.

Keterangan pelajar

56. Selepas keterangan yang disebut dalam kaedah 55 diterima, dan pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar itu hendaklah diminta memberikan keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar itu atau mana-mana saksi pelajar itu dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana saksinya itu.

Memanggil semula saksi

57. Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa tatatertib mengumumkan keputusannya.

Pengumuman keputusan

58. Selepas mendengar keterangan saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa tatatertib itu memutuskan bahawa pelajar itu bersalah atas kesalahan tatatertib itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah meminta pelajar itu membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

Pengenaan hukuman

59. Selepas pelajar itu mengemukakan rayuan untuk meringankan hukumannya, jika ada, di bawah kaedah 54 atau 58, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 50 atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman itu yang sesuai.

Jagaan dan pelupusan barang kes

60. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.

(2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuat kuasa sama ada secara serta-merta atau pada suatu masa sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.

(3) Kuasa pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (2) hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan pemusnahan apa-apa dokumen atau artikel lain atau pelucuthakkan apa-apa dokumen atau artikel itu kepada Universiti.

Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib

61. Pihak berkuasa tatatertib hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

Jagaan nota

62. Nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

Daftar prosiding tatatertib

63. Naib Canselor hendaklah menyenggarakan suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini, dan daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan penjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan apa-apa maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dll.

64. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tatatertib itu kepada orang yang berikut:

- (a) Menteri;
- (b) ibu bapa atau penjaga pelajar;
- (c) dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu; dan
- (d) dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja Kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.

(2) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(b) hingga (d) hendaklah atas permohonannya, dibekalkan salinan nota prosiding tatatertib yang diperakui setelah dibayar fi yang ditentukan oleh Naib Canselor yang fi itu tidak boleh, dalam apa-apa hal, melebihi lima puluh ringgit.

(3) Suatu salinan nota prosiding tatatertib yang diperakui berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah dibekalkan oleh Naib Canselor kepada Menteri jika Menteri menghendaki nota prosiding tatatertib itu.

Pembayaran denda

65.(1) Jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib itu hendaklah menetapkan tempoh yang semasanya denda itu hendaklah dibayar dan pelajar itu hendaklah membayar denda dalam tempoh itu kepada Bursar.

(2) Tempoh yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tarikh keputusan pihak berkuasa tatatertib itu.

Tidak membayar denda

66. (1) Jika pelajar tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus, dan penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda itu dibayar.

(2) Jika pelajar tidak membayar denda kepada Bursar dalam tempoh enam bulan dari tarikh pelajar itu dikehendaki membayar denda tersebut, maka pelajar itu hendaklah terhenti daripada menjadi seorang pelajar Universiti.

Perintah pampasan

67. (1) Jika apa-apa hukuman tatatertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintahkan pelajar itu membayar apa-apa pampasan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib itu berkenaan dengan apa-apa kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bersalah atasnya oleh pihak berkuasa tatatertib.

(2) Seseorang pelajar boleh diperintahkan supaya membayar pampasan di bawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain.

(3) Amaun pampasan yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (1) hendaklah merupakan suatu amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal keadaan kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.

(4) Pampasan yang ditentukan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar kepada Bursar dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

(5) Peruntukan kaedah 66 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* jika pelajar gagal membayar pampasan yang ditentukan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (4).

(6) Bursar hendaklah membayar pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (4) kepada orang yang diperakui oleh pihak berkuasa tatatertib sebagai orang yang berhak menerima bayaran.

(7) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau yang dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah tanpa menjejaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang disebut dalam subkaedah (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib

68. Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali -

- (a) anggota pihak berkuasa tatatertib;
- (b) pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;
- (c) ibu bapa atau penjaga pelajar itu;
- (d) saksi semasa dia memberikan keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
- (e) mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib atas apa-apa sebab yang tertentu.

BAHAGIAN VI

RAYUAN

Notis rayuan

69. (1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu pihak berkuasa tatatertib, dia boleh memberikan notis rayuan secara bertulis terhadap keputusannya itu kepada Naib Canselor dalam dua salinan dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.

(2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan rayuan.

Penghantaran rayuan kepada Menteri

70. Naib Canselor hendaklah, apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan itu kepada Menteri bersama-sama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberikan dan alasan keputusan.

Tindakan Menteri ke atas rayuan

71. (1) Menteri boleh, apabila menerima dokumen yang disebut dalam kaedah 70 daripada Naib Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir-butir lanjut berhubung dengan prosiding tatatertib itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Jika Menteri menolak terus rayuan di bawah subseksyen 16B(4) Akta, keputusan Menteri hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

(3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 16B(5) Akta untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat selepas menerima syor jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

72. Sesuatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai penggantungan pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya.

BAHAGIAN VII**AM****Kesalahan tatatertib**

73. Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana Kaedah-Kaedah ini, atau apa-apa garis panduan, petunjuk, arahan, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan bawah Kaedah-kaedah ini, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah

74. Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Dibuat 9 Jun 2009

[KPT(PUU)S.100-1/8/1/15; PN(PU2)75/IX]

DATO' DR. MOHD. TAIB BIN HASHIM

Pengerusi

Lembaga Pengarah

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

